KK/BP10/687/698/656/3 Jld.5 (SK.1/2005)

# KERAJAAN MALAYSIA

## PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

## PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 3 TAHUN 2003 DAN PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2003 MENGENAI ELAUN PERJALANAN KENDERAAN

Pekeliling ini bertujuan untuk meminda kadar Elaun Perjalanan Kenderaan di perenggan 4.7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 dan perenggan 4.8.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2003 seperti berikut:

| **Jarak perjalanan bertugas rasmi bagi tiap-tiap satu bulan** | **Kelas** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **A** | **B** | **C** (sen/km) | **D** | **E** |
| 500 kilometer pertama | 70 | 60 | 50 | 45 | 40 |
| 501-1,000 km | 65 | 55 | 45 | 40 | 35 |
| 1,001-1,700 km | 55 | 50 | 40 | 35 | 30 |
| 1,701 km dan seterusnya | 50 | 45 | 35 | 30 | 25 |

2. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan yang teratur, munasabah dan berpatutan serta mengawal perbelanjaan tuntutan di bawah Pekeliling ini.

3. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2006.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(Dato' Sri Izzuddin bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
**Putrajaya**

**Januari 2006**

s.k.: Ketua Setiausaha Negara
Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara